

UMS PILIHAN KEMBAR TIGA SEIRAS MELANJUTKAN PENGAJIAN

Derrick, Desmond & Delores merupakan 3 kembar seiras kepada pasangan Tangappan & Boon Molly. Dua dari 3 pasangan kembar tersebut merupakan mahasiswa yang mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan & Ekonomi. Derrick yang mengikuti program Ekonomi Perancangan & Pembangunan merupakan abang kepada dua pasangan kembarnya yang hanya berselang beberapa minit dari tarikh kelahiran mereka. Manakala Desmond kini mengikuti pengajian Pengurusan Perhotelan. Manakala seorang lagi kembar mereka meneruskan pengajian di salah sebuah kolej di

Ipooh, Perak dan kini bertugas sebagai seorang pegawai polis di Johor Bahru. Ketika ditanya kenapa seorang lagi kembar mereka tidak turut sama menyambung pengajian di UMS, "Sebenarnya memang kami bertiga memohon untuk meneruskan pengajian di UMS bersama-sama kerana kami bertiga jarang berpisah, namun nasib kurang menyebelahi salah seorang kembar kami, mungkin bukan rezeki dia", ujar Desmond ketika ditanya oleh wartawan Buletin SPE.

